

Blog 'seimbang' menarik, cabar pembaca berfikir

PANDANGAN



HASLEEN BACHIK

TERUS terang saya kata bahawa saya jarang membaca blog.

Namun, apa yang membuat saya mengunjungi blog adalah apabila ada topik menarik yang diperkata lalu disarankan oleh orang sekeliling, sama ada rakan setugas atau sebagainya.

'Diet' siber saya biasanya ialah laman web atau laman sosial seperti Facebook. Saya lebih banyak bergantung pada Facebook berbanding blog, apatah lagi Twitter yang bagi saya terlalu ringkas – umpama sentuh dan 'belah' – untuk mengetahui sentimen masyarakat berhubung sesuatu perkara.

Facebook bagaimanapun membolehkan saya membaca deretan komen menyusuli sesuatu pos sekali gus bak disaji hidangan bufet yang pelbagai.

Hendak ketawa ada, hendak marah ada; kes tidak kuasa hendak terus menatal (scroll) pun ada.

Kadangkala, memang ada sesetengah penulis yang jelas memiliki api kemarahan meluap-luap berdasarkan pemilihan kata yang mungkin kesat, penyusunan ayat, penggunaan tanda baca seperti tanda seru, huruf besar, ikon emosi (emoticon) dan sebagainya.

Berdasarkan pengamatan saya, rata-rata pos atau komen yang saya baca agak bersikap terbuka. Ini bermakna penulisnya tidak ragu-ragu melahirkan apa yang terbuku di hati tanpa mengambil kira kesan atau risiko. Sebahagian besar pula jarang mengetengahkan pandangan dua pihak semasa mengemukakan pendapat.

Maka, apabila saya menghadiri *Seminar Sempadan Digital Untuk Menilai Kemunasabahan Ruang Politik Dalam Talian: Manusia dan Mesin* anjuran IPS di Universiti Nasional Singapura (NUS), Kampus Bukit Timah, Rabu lalu, saya sendiri agak terkejut.

Terperanjat apabila diberitahu bahawa berdasarkan lebih 1,000 pos di dalam 197 blog antara Jun dan Julai tahun lalu, pengkaji mendapati hampir 30 peratus sahaja yang agak berat sebelah, sementara lebih 70 peratus mampu memberi perspektif berbeza.

Di samping itu, hampir 54 peratus agak atau amat tenang bila membincangkan tentang isu politik. Yang menggunakan kata-kata kesat hanya membentuk kira-kira 19 peratus.

Mungkin di situlah letaknya keunikan blog berbanding media sosial Facebook.

Facebook boleh disifatkan sebagai ruang sekadar 'menghembus', terutama dalam kalangan 'pahlawan papan kekunci' atau 'keyboard warriors'. Apatah lagi jika mereka mempunyai deretan penyokong yang kadang-kadang tidak bersikap rasional.

Hanya kerana sesuatu itu terkena kepada temannya, maka mereka menyokong tanpa membuat penilaian sendiri dan mengimbangi mana yang sepatutnya 'benar' atau 'tepat'. Bahkan, mereka menggasak melulu pihak yang dipersalahkan itu. Ramai yang cenderung dibuai perasaan sehingga sikap objektif ditolak ke tepi.



MUNGKIN BERBEZA?: Penulis menanti kajian pembentangan pendapat di Facebook dan Twitter. Barangkali dapatannya pula berbeza. – Foto fail

Ini berbeza dengan blog.

Sekiranya terdapat blog yang tidak putus-putus menghentam sesuatu pihak – tidak kira sama ada pemerintah mahupun pembangkang – maka sebagai pembaca, mudah kita klik lalu beralih ke tempat lain.

Dengan lain perkataan, sama ada disedari atau tidak, soal kewibawaan memainkan peranan di sini.

Blog yang berupaya mengetengahkan dua pendapat, menyokong dan menentang, pasti akan lebih menarik perhatian pembaca seperti saya.

Sikapnya yang tidak berat sebelah itu akan membolehkan saya berfikir, mengimbangi dan membuat penilaian sendiri.

Usahlah sodorkan saya dengan pandangan sepihak sahaja kerana saya pasti akan mempersoal agendanya.

Pada masa yang sama, tidak perlulah 'berteriak' di ruang siber. Komen yang bersandarkan emosi semata juga tidak mampu memancing perhatian saya.

Dalam membincangkan isu politik tidak kira sama ada anda menyokong pemerintah atau pembangkang, tiada salahnya mengetengahkan isu secara tenang.

Cuba faham mengapa pihak yang tidak sealign dengan pendapat anda itu berfikiran sedemikian. Lihatlah isu daripada sudut pandangan berbeza, yakni dari sudut mereka pula.

Sikap rasional dalam catatan akan membuat pendapat anda lebih didengari tanpa perlu 'berteriak'.

Sehingga ke waktu itu, saya masih menanti usaha pihak IPS meninjau Facebook dan juga Twitter.

Maklumlah ekoran keterbatasan kemampuan dari sudut teknikal, dapat difahami mengapa buat masa ini, mereka belum berkesempatan untuk berbuat demikian.

Semoga suatu hari nanti kita akan dapat mengetahui hasil dapatan di laman tersebut pula. Mungkinkah dapatannya bakal saling bertentangan?